

Headline	Cabaran guru kaunseling	Language	MALAY
Date	25. Feb 2008	Page No	6
Media Title	Harian Metro	Article Size	496 cm²
Section	Variasi	Frequency	Daily
Circulation	172903	Color	Full Color
Readership	605160		



Cabaran guru kaunseling

YPC anjur seminar bantu guru atasi masalah, karenah pelajar

| Halim Mat Ali



KENANGAN...sebahagian peserta bergambar kenangan selepas tamat seminar



KHUSYUK...peserta memberi perhatian sewaktu sesi ceramah

Headline **Cabaran guru kaunseling**
Date **25. Feb 2008**
Media Title **Harian Metro**

BAGI membantu guru kaunseling menghadapi cabaran dan kerenah pelajar, Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) mengajurkan Seminar Peningkataan Profesionalisme Guru Kaunseling, baru-baru ini.

Seminar dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kolej Teknologi YPC-IT Web itu memberi input berkesan menangani pelajar bermasalah.

Penceramah jemputan ialah pensyarah Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Ishak Hamid dan bekas pensyarah Universiti Malaya (UM), Dr Fatanah Mohamed.

Pengerusi YPC, Senator Datuk Syed Ali Alhabshee, berkata guru kaunseling perlu bersikap terbuka menangani permasalahan pelajar di samping rajin mencari ilmu.

Beliau berkata, guru kaunseling adalah antara guru kepercayaan pelajar dan menjadi sandaran meluahkan masalah selain ibu bapa.

"Guru perlu menggunakan kepercayaan ini untuk membantu pelajar.

"Apabila pelajar bermasalah mengadu, ini bermakna mereka percayakan guru dan gunakan peluang itu untuk mendekati mereka.

"Mewujudkan kepercayaan bukan mudah tapi jika mampu membentuk semula keperibadian, sudah tentu ini satu kejayaan besar," katanya.

Seramai 95 guru dari sekolah menengah sekitar Kuala Lumpur menyertai seminar sehari itu.

Guru SMK Sri Hartamas, Alida Ali, berkata seminar itu memberi pendekatan baru kepada peserta selain mendalami kepentingan dan tanggungjawab utama guru



SYED ALI...bersikap terbuka



**Apabila pelajar
bermasalah datang,
bermakna mereka
percayakan guru"**

>Syed Ali Alhabshee
Pengerusi YPC

kaunseling.

Menurutnya, walaupun sebahagian besar sudah lama berkhidmat, mereka perlu didekah dengan ilmu atau mekanisme baru menangani pelbagai kerenah pelajar.

"Dalam era globalisasi, guru kaunseling memerlukan pendekatan baru menangani kerenah pelajar," katanya.

Rakannya, M Saravanan dari SM Tinggi Setapak, berkata pelajar hari ini terdedah dengan pelbagai cabaran dan memerlukan bimbingan bagi memastikan mereka tidak tergelincir.

"Guru kaunseling bukan tugas mudah, jika tidak cukup ilmu bagaimana mahu membantu pelajar," katanya.